

# Cukai negara kaya biayai pembangunan negara miskin

BH 23 MAR 2001

Oleh Nor Mohamed Yakcop

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya pada 27 Februari lalu di China ketika melancarkan Forum BOAO bagi Asia mencadangkan supaya negara kaya dikenakan cukai untuk membiayai projek infrastruktur di negara miskin. Jelas masanya sudah tiba untuk usaha seumpama itu dilaksanakan.

Sungguhpun teknologi telah berkembang begitu pesat dan semakin canggih penduduk dunia pada keseluruhannya masih gagal untuk menghapuskan kemiskinan.

Benua sub Sahara Afrika ialah contoh terbaik. Separuh daripada 600 juta penduduknya hidup dengan pendapatan kurang daripada AS\$0.65 sehari dan kebelakangan ini mereka menjadi bertambah miskin. Amalan perdagangan antarabangsa terus bersifat tidak adil terhadap negara miskin. Mengikuti majalah Economist (24 Februari 2001) jika Amerika Utara, Eropah dan Jepun sanggup menghapuskan semua halangan terhadap import dari sub Sahara, eksport rantau itu akan meningkat pada kadar 14 peratus bernilai AS\$2.5 bilion (RM9.5 bilion) setahun. Subsidi pertanian di negara maju yang menyekat eksport dari negara membangun berjumlah AS\$360 bilion (RM1.368 bilion) setahun atau kira-kira AS\$30 bilion (RM114 bilion) lebih tinggi daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) seluruh Afrika. Memburukkan lagi keadaan ketika eksport dari negara kaya sama

## Tiga asas cadangan cukai

- Cukai negara kaya dikenakan mengikut kaedah skel menurun,
  - Hasil cukai digunakan untuk membina projek infrastruktur di negara miskin, dan
  - Gunakan institusi antarabangsa yang sedia ada untuk memungut cukai serta pelaksanaan projek yang dikenal pasti oleh negara penerima dan pengurus Dana Infrastruktur itu.
- Kedua-dua pihak harus setuju terlebih dahulu sebelum projek dilaksanakan.

mampu mereka miliki sendiri. Bagaimanapun golongan kaya yang dikenakan cukai juga berpeluang menggunakan infrastruktur yang disediakan itu.

Dalam dunia globalisasi, pasti akan wujud negara-negara miskin dan amat miskin. Negara kaya akan berpeluang terus memperkayakan diri mereka kerana pembukaan lebih banyak negara memberi peluang untuk mereka melabur modal teknologi dan rangkaian sejagat mereka. Akibatnya mereka akan menjadi bertambah kaya.


Dalam pada itu yang miskin akan hanya mendapat sedikit manfaat daripada aliran masuk pelaburan itu tetapi pendapa-

kan berbanding keadaan yang amat daif di kalangan negara-negara miskin. Apakah mereka yang mendapat keuntungan besar dari dagangan dunia global tidak sanggup memberikan sedikit daripada pendapatan mereka itu supaya negara miskin juga turut menikmati sedikit kemudahan yang sudah menjadi perkara biasa di negara kaya?

Soalnya, mengapa infrastruktur? Umum mengetahui bahawa pembinaan dan penyediaan infrastruktur merangsang kegiatan ekonomi. Di mana saja jalan raya atau jalan kereta api dibina, bandar akan muncul. Pengeluaran setempat bukan hanya akan mendapat satu pasaran di bandar


Jadual 1

| Kategori                       | Jumlah     | KDNK per kapita (nominal) | Penduduk ('000)  |
|--------------------------------|------------|---------------------------|------------------|
| Pendapatan tinggi (OECD)       | 23         | AS\$9,266 atau lebih      | 841,847          |
| Pendapatan tinggi (bukan OECD) | 26         | AS\$9,266 atau lebih      | 49,033           |
| Pendapatan sederhana tinggi    | 38         | AS\$2,996-9,225           | 573,060          |
| Pendapatan sederhana rendah    | 55         | AS\$756-9,225             | 2,093,737        |
| Pendapatan rendah              | 64         | AS\$755 atau kurang       | 2,416,987        |
| <b>Jumlah</b>                  | <b>206</b> |                           | <b>5,974,664</b> |



Jadual 2

| KDNK per kapita (PPP)           | Kadar cukai (% daripada KDNK) |
|---------------------------------|-------------------------------|
| AS\$30,000 ke atas              | 0.50                          |
| AS\$25,000 hingga kurang 30,000 | 0.45                          |
| AS\$20,000 hingga kurang 25,000 | 0.35                          |
| AS\$15,000 hingga kurang 20,000 | 0.20                          |
| AS\$10,000 hingga kurang 15,000 | 0.10                          |



kin meningkat harga barang utama dari negara membangun umumnya mencatat kejatuhan Memandangkan keadaan semasa kin buruk yang melanda negara miskin cadangan cukai yang diutarakan oleh Dr Mahathir harus diberi pertimbangan segera dan serius

Rencana ini akan membincangkan cadangan Perdana Menteri secara mendalam dengan matlamat menjadikan idea ini satu realiti Tujuannya ialah merangsang perbincangan ke arah merumus satu pelan induk yang menyeluruh dan sesuai untuk cadangan ini

Asas cadangan itu sebenarnya cukup mudah untuk didefinisikan

- Cukai negara-negara kaya dikenakan mengikut kaedah skel menurun

- Hasil cukai digunakan untuk membina projek infrastruktur di negara miskin dan

- Gunakan institusi antara bangsa yang sedia ada untuk memungut cukai serta pelaksanaan projek yang dikenal pasti oleh negara penerima dan pengurus Dana Infrastruktur itu Kedua-dua pihak harus bersetuju terlebih dahulu sebelum projek dilaksanakan

Untuk menggerakkan konsep itu beberapa isu harus diperjelas dan diselesaikan Satu dari isunya ialah Mengapa perlu negara kaya membayar cukai itu? Seorang yang hidup senang misalnya melalui kejayaan perniagaannya dianggap logik dikenakan cukai di atas pendapatannya Ini kerana keadaan di negara itu telah membolehkannya mendapat hasil dan dengan itu dia harus pula memulangkan sebahagian daripada pendapatannya itu kepada masyarakat dalam bentuk cukai yang dikenakan kerajaan Cukai itu dikenakan mengikut skel menurun dengan beberapa pelepasan di beri untuk keperluan biasa manakala pendapatan tertinggi dikenakan cukai pada kadar tertinggi Dengan cara ini golongan miskin akan berpeluang menikmati kemudahan yang tidak

tan mereka amat sedikit Malah jika dibandingkan mereka sebenarnya menjadi bertambah miskin Selain itu jika yang kaya menarik balik modal mereka itu ekonomi negara miskin boleh musnah sepenuhnya Akibatnya jurang perbezaan di antara yang kaya dan miskin tentunya menjadi lebih ketara Dunia global yang terbahagi kepada negara miskin dan kaya akan lebih terlerah sebagaimana juga sebuah negara kaya yang masih mempunyai sebahagian penduduknya dalam keadaan kedaifan dan kemiskinan berterusan

Hari ini globalisasi kelihatan tertumpu kepada negara yang sedang berkembang maju untuk yang kaya masuk dan mengeksploitasi Terlalu sedikit perhatian diberi kepada negara miskin yang amat mundur kerana mereka tidak berupaya menawarkan peluang dan pasaran yang baik untuk negara maju Oleh itu negara Afrika Asia Tengah dan kepulauan di lautan Selatan (Pacific) dipinggirkan oleh bank-bank antarabangsa serta syarikat-syarikat pembuatan dan perdagangan antarabangsa

Jika keadaan ini berterusan maka dunia globalisasi tidak akan dapat dimajukan secara menyeluruh tetapi terbahagi kepada yang maju dan mundur Walau pun pelbagai perbincangan diadakan untuk membasmi kemiskinan kemiskinan ketara akan terus berleluasa di kalangan beberapa kelompok negara Adakah ini orde baru dunia yang kita sasarkan menerusi globalisasi?

Jika kita ikhlas hendak membasmi kemiskinan kemiskinan sesebuah negara juga harus dihapuskan Bagaimana sesebuah negara maju boleh berbangga jika semua negara lain di sekeliling mereka miskin? Media Barat amat ghairah memaparkan gambar Menara Berkembar Petronas dengan kawasan setinggan di depannya walaupun sebenarnya kawasan setinggan terletak jauh daripada bangunan itu Begitu juga sikap penggunaan berlebihan yang membazirkan oleh negara maju yang amat memalukan

baru muncul itu malah juga berpeluang menjualnya ke tempat lain yang jauh termasuk luar negara Dengan infrastruktur pelbagai kegiatan perniagaan baru akan membangun dan manusia akan mendapat manfaat daripadanya

Pembinaan infrastruktur itu sendiri akan menyediakan peluang pekerjaan untuk penduduk setempat menjadi pasaran untuk hasil mereka dan menawarkan harga yang lebih baik Begitu juga dengan penyelenggaraan infrastruktur itu

Bagaimanapun yang kaya akan terus mendapat bahagian dan habuan mereka kerana hanya mereka saja yang mampu menyediakan teknologi mesin canggih dan kemahiran kejuruteraan Sebahagian daripada dana itu akhirnya akan kembali semula ke kantung negara kaya dalam bentuk pendapatan oleh kontraktor dan pembekal mereka Dana Infrastruktur dan projek akan mewujudkan hubungan saling menguntungkan negara kaya dan miskin serta pada masa sama mewujudkan dunia yang lebih seimbang sama maju dan lebih makmur

Dunia hari ini sebenarnya amat kaya Gabungan bahan mentah teknologi dan kemahiran keusahawanan membuahkan kekayaan yang tidak dapat digambarkan sebelum ini Dalam era maklumat dan bioteknologi ini dunia akan menjadi lebih kaya dengan lebih pantas lagi Adalah amat tidak adil jika kekayaan ini tidak diagih secara lebih saksama

Jika kita mahu mengenalkan cukai kepada yang kaya kita harus tahu siapa mereka Negara di dunia ini biasanya dibahagikan kepada lima kategori seperti berikut (Lihat jadual 1)

Ada beberapa cara mendefinisikan istilah negara kaya Satu daripada caranya ialah untuk menyamakan negara kaya dengan negara berpendapatan tinggi dalam organisasi OECD dan juga negara di luar OECD Satu lagi cara ialah dengan menggunakan pendapatan per kapita yang melebihi sesuatu paras Cara

Jadual 3

**AHLI KUMPULAN BANK DUNIA:  
EKONOMI BERPENDAPATAN RENDAH**

|                                       |                          |
|---------------------------------------|--------------------------|
| 1 Afghanistan                         | 32 Lesotho               |
| 2 Angola                              | 33 Liberia               |
| 3 Armenia                             | 34 Madagascar            |
| 4 Azerbaijan                          | 35 Malawi                |
| 5 Bangladesh                          | 36 Mali                  |
| 6 Benin                               | 37 Mauritania            |
| 7 Bhutan                              | 38 Moldova               |
| 8 Burkina Faso                        | 39 Mongolia              |
| 9 Burundi                             | 40 Mozambique            |
| 10 Kemboja                            | 41 Myanmar               |
| 11 Cameroon                           | 42 Nepal                 |
| 12 Afrika Tengah                      | 43 Nicaragua             |
| 13 Republik Chad                      | 44 Niger                 |
| 14 Persekutuan Republik Islam Comoros | 45 Nigeria               |
| 15 Republik Demokratik Congo          | 46 Pakistan              |
| 16 Republik Congo                     | 47 Rwanda                |
| 17 Ivory Coast                        | 48 Sao Tome dan Principe |
| 18 Eritrea                            | 49 Senegal               |
| 19 Ethiopia                           | 50 Sierra Leone          |
| 20 Gambia                             | 51 Kepulauan Solomon     |
| 21 Georgia                            | 52 Somalia               |
| 22 Ghana                              | 53 Sudan                 |
| 23 Guinea                             | 54 Tajikistan            |
| 24 Guinea Bissau                      | 55 Tanzania              |
| 25 Haiti                              | 56 Togo                  |
| 26 India                              | 57 Turkmenistan          |
| 27 Indonesia                          | 58 Uganda                |
| 28 Kenya                              | 59 Ukraine               |
| 29 Korea                              | 60 Uzbekistan            |
| 30 Kyrgyzstan                         | 61 Vietnam               |
| 31 Laos                               | 62 Yaman                 |
|                                       | 63 Zambia                |
|                                       | 64 Zimbabwe              |

ketiga ialah dengan menggunakan pendapatan per kapita pada asas nisbah kuasa membeli (PPP) Saya berpendapat kita harus menggunakan cara ketiga dan memilih AS\$10 000 (RM38 000) sebagai had minimum kelayakan cukai Pada asas ini 45 negara akan layak membayar cukai terbabit termasuk Malaysia Berkenaan definisi negara mis-

kin pula kita harus memasukkan semua 64 negara dalam kategori berpendapatan rendah iaitu dengan KDNK nominal AS\$755 (RM2 869) atau kurang Senarai 64 negara ini ialah seperti berikut (Lihat jadual 2)

Jumlah penduduk di 64 negara berpendapatan rendah ini ialah 2.4

# Dana cukai boleh biayai projek infrastruktur

DARI MUKA 29

bilion atau 40 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk dunia. Sementara itu jumlah penduduk di negara berpendapatan tinggi pula ialah 890 juta bersamaan 15 peratus penduduk dunia. Daripada 64 negara miskin itu 30 ialah negara Islam yang didefinisikan menerusi keanggotaan dalam OIC dengan jumlah penduduk 854 juta yang mewakili 69 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk negara OIC. Oleh itu saiz kemiskinan dunia adalah jelas daripada angka berkenaan. Oleh itu wujud satu keperluan yang mendesak supaya masyarakat antarabangsa bangun untuk menghadapi cabaran membantu negara miskin.

Dalam skel menurun Cukai Infrastruktur Antarabangsa itu boleh dibuat seperti berikut (Lihat jadual 3 di muka 29).


Dalam mengira jumlah cukai asasnya haruslah dibuat pada KDNK nominal negara kaya walaupun kita menggunakan KDNK pada asas PPP untuk mendefinisikan negara kaya. Ini kerana adalah lebih mudah untuk mengira cukai pada asas KDNK nominal berbanding KDNK pada asas PPP berikutan perangkaannya mudah diperolehi dan ia angka rasmi. Jumlah cukai yang akan dapat dipungut dalam tempoh setahun ialah kira-kira AS\$9.4 bilion (RM35.72 bilion). Butiran mengenai cukai yang akan dipungut itu ditunjukkan seperti berikut (Lihat jadual 4).

Adalah dicadangkan bahawa cukai itu dipungut untuk tempoh 20 tahun. Mungkin adalah lebih mudah untuk mendesak negara kaya dengan cadangan yang mempunyai tempoh tertentu berbanding untuk selama lamanya.

Dana yang diperolehi daripada cukai itu tidak harus diagihkan dengan cara bantuan diberikan sebelum ini, sebaliknya ia mesti digunakan untuk membayar bagi projek infrastruktur itu sejajar dengan perkembangan pembinaannya.

Satu perkara yang harus diberi pertimbangan ialah keperluan untuk infrastruktur dan bukannya secara perbandingan dengan tahap kemiskinan di sesebuah ne-

Jadual 4



## CUKAI TERHADAP NEGARA KAYA BAGI PROJEK INFRASTRUKTUR DI NEGARA MISKIN

| NEGARA           | KDNK per kapita PPP (AS\$ juta) | KDNK nominal (AS\$ juta) | cadangan kadar cukai | jumlah cukai (AS\$ '000) |
|------------------|---------------------------------|--------------------------|----------------------|--------------------------|
| Luxembourg       | 38 247                          | 17 561                   | 0.50                 | 8 781                    |
| Amerika Syarikat | 30 600                          | 8 708 870                | 0.50                 | 4 354 435                |
| Switzerland      | 27 486                          | 260 299                  | 0.45                 | 117 135                  |
| Singapura        | 27 024                          | 84 945                   | 0.45                 | 38 225                   |
| Norway           | 26 522                          | 145 449                  | 0.45                 | 65 452                   |
| Iceland          | 26 283                          | 8 872                    | 0.45                 | 3 952                    |
| Brunei           | 24 824                          | 4 851                    | 0.35                 | 1 698                    |
| Denmark          | 24 280                          | 174 363                  | 0.35                 | 61 027                   |
| Belgium          | 24 200                          | 245 706                  | 0.35                 | 85 997                   |
| Jepun            | 24 041                          | 4 395 083                | 0.35                 | 1 538 279                |
| Austria          | 23 808                          | 208 949                  | 0.35                 | 73 132                   |
| Kanada           | 23 725                          | 612 049                  | 0.35                 | 214 217                  |
| Bermuda          | 23 302                          | 2 253                    | 0.35                 | 789                      |
| Belanda          | 23 052                          | 384 766                  | 0.35                 | 134 668                  |
| Kuwait           | 22 500                          | 29 572                   | 0.35                 | 10 350                   |
| Australia        | 22 448                          | 389 691                  | 0.35                 | 136 392                  |
| Jerman           | 22 404                          | 2 081 202                | 0.35                 | 728 421                  |
| Perancis         | 21 897                          | 1 410 262                | 0.35                 | 493 592                  |
| Finland          | 21 209                          | 126 130                  | 0.35                 | 44 146                   |
| Hong Kong China  | 20 939                          | 158 611                  | 0.35                 | 55 514                   |
| United Kingdom   | 20 883                          | 1 373 612                | 0.35                 | 480 764                  |
| Sweden           | 20 824                          | 226 388                  | 0.35                 | 79 236                   |
| Itali            | 20 751                          | 1 149 958                | 0.35                 | 402 485                  |
| Ireland          | 19 180                          | 84 861                   | 0.20                 | 16 972                   |

gara atau kos Jumlah sebanyak mana dana yang diperlukan adalah tidak sepenting potensi sumbangan yang boleh diberikan nya kepada negara terbabit

Mengenai kutipan dan pentadbiran cukai itu adalah lebih baik jika sebuah institusi dengan struktur baru tidak ditubuhkan bagi mengelak kos operasi dan perbelanjaan yang tidak perlu Sebuah institusi di bawah naungan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) seperti UNDP contohnya boleh digunakan untuk memungut dan menadbir cukai ini Jika kakitangan tambahan diperlukan ia boleh diatur dengan cara pinjaman kakitangan daripada negara berpendapatan sederhana Ini boleh menjadi sumbangan mereka terhadap skim itu kerana kebanyakannya tidak dikenakan cukai berkenaan

Pentadbir cukai berkenaan akan mengkaji permohonan projek infrastruktur bersama dengan negara penerima dan ia akan menentukan bagaimana cara terbaik untuk dilaksanakan Antara garis panduan cadangannya ialah seperti berikut

- Projek mesti dipilih pada asas jika ia dapat memberi kesan limpahan dan pengandaan yang maksimum kepada negara penerima

- Kebanyakan projek itu mestilah projek infrastruktur asas seperti jalan raya jalan kereta api jambatan empangan saluran paip dan stesen janakuasa

- Kriteria utamanya haruslah pembasmian kemiskinan dan merangsang ekonomi Ia harus bebas daripada ideologi tertentu atau sebarang tujuan sampingan dan

- Projek mesti dibina dan ditadbir oleh agensi antarabangsa dengan negara penerima memberi semua bantuan yang perlu Warga tempatan mesti diberi sebanyak mungkin peluang pekerjaan dan dilatih dalam operasi kemudahan itu

Jumlah yang dijangka dipungut ialah kira-kira AS\$9.4 bilion (RM35.72 bilion) setahun atau AS\$188 bilion (RM714.4 bilion) sepanjang tempoh 20 tahun Jumlah ini jika di

|                      |        |         |      |                  |
|----------------------|--------|---------|------|------------------|
| Emiriah Arab Bersatu | 18 825 | 47 234  | 0 20 | 9 447            |
| Cyprus               | 18 395 | 9 031   | 0 20 | 1 806            |
| Qatar                | 17 000 | 9 243   | 0 20 | 1 849            |
| Israel               | 16 867 | 99 068  | 0 20 | 19 814           |
| Sepanyol             | 16 730 | 562 245 | 0 20 | 112 449          |
| New Zealand          | 16 566 | 53 622  | 0 20 | 10 724           |
| Portugal             | 15 147 | 107 716 | 0 20 | 21 543           |
| Malta                | 15 066 | 3 471   | 0 20 | 694              |
| Slovenia             | 15 062 | 20 653  | 0 20 | 4 131            |
| Korea                | 14 637 | 406 940 | 0 10 | 40 694           |
| Greece               | 14 595 | 123 934 | 0 10 | 12 393           |
| Bahamas              | 13 955 | 4 469   | 0 10 | 447              |
| Republik Czech       | 12 289 | 56 397  | 0 10 | 5 640            |
| Netherlands Antilles | 11 800 | 2 466   | 0 10 | 247              |
| Bahrain              | 11 527 | 5 350   | 0 10 | 535              |
| Argentina            | 11 324 | 281 942 | 0 10 | 28 194           |
| Barbados             | 11 200 | 2 268   | 0 10 | 227              |
| Malaysia             | 10 700 | 74 634  | 0 10 | 7 463            |
| Hungary              | 10 479 | 48 355  | 0 10 | 4 836            |
| Arab Saudi           | 10 472 | 128 892 | 0 10 | 12 889           |
| Seychelles           | 10 381 | 545     | 0 10 | 55               |
| <b>JUMLAH</b>        |        |         |      | <b>9,441,733</b> |

labur secara bijak dalam projek infrastruktur di negara miskin mampu memperbaiki taraf hidup rakyatnya ke paras yang munasabah pada masa yang singkat

Dalam dunia di mana lebih daripada separuh penduduknya tidur dalam keadaan lapar setiap malam ihsan yang diharapkan dalam bentuk cukai yang diterima dari negara kaya untuk membantu negara miskin ini pasti memberi sumbangan yang cukup bermakna untuk menjadikan dunia ini lebih baik bagi seluruh manusia Seperti yang dikatakan Dr Mahathir adalah suatu

perkara yang tidak dapat dipertahankan bagi sesiapa pun untuk melihat adanya manusia kekal miskin dalam dunia yang amat kaya

Cadangan yang dibuat oleh Dr Mahathir itu memang boleh dilakukan Ia boleh disusun dan dilaksanakan dengan mudah Apa yang perlu hanyalah kesanggupan negara kaya untuk menyokong cadangan itu yang pastinya berfaedah untuk semua

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcob ialah Penasihat Ekonomi Perdana Menteri**